

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**
02 OGOS 2018

PERKARA : 4(B)(VIII)21

Commented [1]: <!--tr-->
<th colspan="2" class="text-center">02 OGOS 2018</th>
</tr-->

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

21. Astaka Serina Bay di Hilir Sungai Pinang terbiar begitu sahaja dan telah menjadi suatu tempat mengumpam kegiatan tidak sihat.
- (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri ke atas astaka tersebut?
 - (b) Apakah kerajaan berhasrat supaya menjadikan astaka ini sebagai dewan komuniti atau tempat pengutipan serta pengasingan sisa di punca demi kebajikan rakyat setempat? Huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

21. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah merancang untuk menjadikan astaka berkenaan sebagai pusat aktiviti kitar semula dan pengasingan sisa di punca.
- (b) Selaku pusat aktiviti kitar semula dan pengasingan sisa dipunca Kerajaan Negeri berharap MBPP dapat memastikan pengisian aktiviti di astaka tersebut iaitu:
- (i) Pendidikan awam kepada komuniti mengenai kitar semula dan pengasingan sisa di punca.
 - (ii) Menyediakan tempat pengumpulan barang kitar semula.

- (iii) Membuka ruang kepada komuniti dapat meningkatkan pendapatan melalui aktiviti kitar semula.
- (iv) Melatih komuniti dalam menjaga alam sekitar.